



## **Pesanan Injil – Sila baca yang berikut :**

- Kejadian 1:1            Pada mulanya Allah menciptakan langit dan bumi.
- Roma 3:23             Karena semua orang telah berbuat dosa dan telah kehilangan kemuliaan Allah,
- Yohanes 8:34         Kata Yesus kepada mereka: "Aku berkata kepadamu, sesungguhnya setiap orang yang berbuat dosa, adalah hamba dosa.

Tuhan telah mencipta kita tetapi kita tidak mengenalNya dan terpisah dari Dia disebabkan sifat semula jadi kita yang berdosa. Hidup kita tanpa Tuhan tidak bermakna dan tiada tujuan. Akibat (hukuman yang patut ditanggung) dari dosa ialah maut secara rohani dan jasmani. Mati secara rohani bermaksud terpisah dari Tuhan. Mati secara jasmani ialah kereputan badan. Pada hari kita meninggal dunia, kita akan terpisah dengan kekal dari Tuhan dan berakhir di neraka. Bagaimana kita selamatkan diri kita dari dosa dan kembali kepada Tuhan? Kita tidak dapat selamatkan diri kita kerana ia mustahil bagi seorang yang berdosa menyelamatkan dirinya (ibarat seorang yang sedang mati lemas tidak dapat menyelamatkan dirinya). Tidak ada yang lain dapat menyelamatkan kita kerana kita semua adalah berdosa (seorang yang sedang mati lemas tidak dapat menyelamatkan orang lain yang turut sedang lemas kerana kedua-duanya saling memerlukan bantuan). Kita memerlukan seorang yang bersih dari dosa (tidak lemas) untuk menyelamatkan diri kita dari dosa. Hanya seorang yang tidak berdosa dapat menyelamatkan kita. Bagaimana kita mencari seorang yang tidak berdosa dalam dunia di mana semua pun hidup berdosa?

- Roma 6:23            Sebab upah dosa ialah maut; tetapi karunia Allah ialah hidup yang kekal dalam Kristus Yesus, Tuhan kita.
- Yohanes 3:16        Karena begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Ia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal.
- Matius 1:23         "Sesungguhnya, anak dara itu akan mengandung dan melahirkan seorang anak laki-laki, dan mereka akan menamakan Dia Imanuel" --yang berarti: Allah menyertai kita.
- Yohanes 8:23        Lalu Ia berkata kepada mereka: "Kamu berasal dari bawah, Aku dari atas; kamu dari dunia ini, Aku bukan dari dunia ini.
- Markus 1:11        Lalu terdengarlah suara dari syurga: "Engkaulah Anak-Ku yang Kukasihi, kepada-Mulah Aku berkenan."
- Yohanes 8:36        Jadi apabila Anak itu memerdekakan kamu, kamupun benar-benar merdeka."
- Yohanes 3:3         Yesus menjawab, kata-Nya: "Aku berkata kepadamu, sesungguhnya jika seorang tidak dilahirkan kembali, ia tidak dapat melihat Kerajaan Allah."
- Yohanes 1:12        Tetapi semua orang yang menerima-Nya diberi-Nya kuasa supaya menjadi anak-anak Allah, yaitu mereka yang percaya dalam nama-Nya;



Tuhan yang telah mencipta kita dan sangat menyayangi kita serta Dia membuka jalan penyelesaian. Kerana kasihNya yang amat besar Dia telah mengutus anakNya yang tunggal untuk mati demi menebus dosa-dosa kita. Yesus tidak berdosa kerana Dia bukan dari dunia dan manakala di bumi Dia mengatasi godaan syaitan ke arah dosa. HidupNya berkenan pada Tuhan di syurga. Yesus telah mengambil dosa-dosa kita dan mati di kayu salib. Dia adalah penyelamat hidup kita (Yesus dapat menyelamatkan kita kerana Dia tidak lemas). Tujuan Yesus mati di kayu salib ialah untuk menebus dosa kita dan membersihkan kita dari dosa dan memulih hubungan dengan Tuhan. Kita dapat hidup semula secara rohani (perpisahan dengan Tuhan) melalui kuasa Tuhan. Hubungan baru ini dinamakan kelahiran baru. Ini memulihkan kita kepada tujuan ciptaan dan kewujudan serta menjadikan hidup kita bermakna ada ada arah tuju dalam hidup.

Yohanes 11:25      Jawab Yesus: "Akulah kebangkitan dan hidup; barangsiapa percaya kepada-Ku, ia akan hidup walaupun ia sudah mati,

Roma 6:9            Karena kita tahu, bahwa Kristus, sesudah Ia bangkit dari antara orang mati, tidak mati lagi: maut tidak berkuasa lagi atas Dia.

Kisah Para Rasul 2:24      Tetapi Allah membangkitkan Dia dengan melepaskan Dia dari sengsara maut, karena tidak mungkin Ia tetap berada dalam kuasa maut itu.

Roma 14:9            14:9 Sebab untuk itulah Kristus telah mati dan hidup kembali, supaya Ia menjadi Tuhan, baik atas orang-orang mati, maupun atas orang-orang hidup.

Kisah Para Rasul 1:11      dan berkata kepada mereka: "Hai orang-orang Galilea, mengapakah kamu berdiri melihat ke langit? Yesus ini, yang terangkat ke syurga meninggalkan kamu, akan datang kembali dengan cara yang sama seperti kamu melihat Dia naik ke syurga."

Apa kah bukti pengorbanan Yesus mati untuk dosa kita diterima Tuhan di syurga? Buktinya ialah kebangkitan Yesus dari maut oleh Tuhan. Melalui kebangkitan, membuktikan Yesus telah mengatasi maut (atau dengan kata lain, maut tidak dapat menentang kuasa Tuhan). Kini, kerana Yesus hidup, kita turut hidup. HidupNya memberikan kita kehidupan. Juga kerana Dia bangkit, Dia hidup sehingga pada zaman sekarang.

Yohanes 5:24      "Aku berkata kepadamu: Sesungguhnya barangsiapa mendengar perkataan-Ku dan percaya kepada Dia yang mengutus Aku, ia mempunyai hidup yang kekal dan tidak turut dihukum, sebab ia sudah pindah dari dalam maut ke dalam hidup."

Yohanes 10:9      "Akulah pintu; barangsiapa masuk melalui Aku, ia akan selamat dan ia akan masuk dan keluar dan menemukan padang rumput".

Yohanes 14:6      Kata Yesus kepadanya: "Akulah jalan dan kebenaran dan hidup. Tidak ada seorangpun yang datang kepada Bapa, kalau tidak melalui Aku.

Yohanes 8:24      "Karena itu tadi Aku berkata kepadamu, bahwa kamu akan mati dalam dosamu; sebab jikalau kamu tidak percaya, bahwa Akulah Dia, kamu akan mati dalam dosamu."



---

Kisah Para Rasul 4:12	Dan keselamatan tidak ada di dalam siapapun juga selain di dalam Dia, sebab di bawah kolong langit ini tidak ada nama lain yang diberikan kepada manusia yang olehnya kita dapat diselamatkan."
Roma 10:13	Sebab, "barangsiapa yang berseru kepada nama Tuhan, akan diselamatkan. "
Roma 10:11	Karena Kitab Suci berkata: "Barangsiapa yang percaya kepada Dia, tidak akan dipermalukan."
Roma 2:11	Sebab Allah tidak memandang bulu.
Rom 3:22	yaitu kebenaran Allah karena iman dalam Yesus Kristus bagi semua orang yang percaya. Sebab tidak ada perbedaan.
Rom 10:9	Sebab jika kamu mengaku dengan mulutmu, bahwa Yesus adalah Tuhan, dan percaya dalam hatimu, bahwa Allah telah membangkitkan Dia dari antara orang mati, maka kamu akan diselamatkan.

Bagaimana hidup kita bersih dari dosa apabila kita menerima hidup baru? Melalui kepercayaan bahawa Yesus sebagai Tuhan kita dan Penyelamat .Kalau kita bertaubat dari hidup berdosa dan memanggil Yesus untuk mengampuni dan menyelamatkan kita ,Dia akan melakukannya.Yesus adalah anak Tuhan yang datang ke dunia untuk mati kerana dosa-dosa kita.Barang siapa di bumi ini yang percaya pada Nya akan menerima pengampunan dari Tuhan ,diselamatkan dari dosa mereka (dan neraka) dan menerima hidup baru dari Tuhan.Tuhan tidak berat sebelah.Dia tidak menghirau kita dari negara mana ,bahasa yang kita tutur,kaya atau miskin ,lelaki atau perempuan,muda atau tua atau perbezaan jasmani.Berikut ialah doa agar kamu dapat berdoa jika kamu membuat keputusan untuk mengikuti Yesus :

Tuhan di syurga, terima kasih kerana mengirim anakMu yang tunggal, Yesus ,untuk mati kerana dosa-dosa ku agar aku dapat diselamatkan dan mempunyai hidup baru di syurga.Aku bertaubat dari jalan hidupku dan memohon pengampunan untuk dosa-dosaku.Aku percaya pada Yesus dan menerima Yesus sebagai Tuhanku dan Penyelamat.Tolong aku dan pimpin aku untuk hidup dengan cara hidup yang berkenan padaMu dalam hidup baru yang telah Kau beri padaku.Amen

Jika kamu telah membuat keputusan untuk berdoa mengikut yang di atas ,minta Tuhan untuk menunjukkan kamu gereja untuk pergi beribadah.Bicara dengan Tuhan dalam doa sentiasa dan Tuhan akan bercakap dengan kamu.Dengarlah suara Tuhan.Tuhan akan pimpin kamu.Dia sayang kamu dan akan menjaga kamu.Kamu boleh percaya pada Nya.Dia tidak pernah gagal bagi sesiapa yang percaya kepada Nya.Tuhan itu Tuhan yang baik.Dia boleh dipercayai.Kamu boleh bergantung pada Nya untuk hidup kamu.Bawalah keperluan kamu kepada Nya. Dia ambil berat terhadap kamu dan akan memberkati kamu.Tuhan berkata " Aku tidak akan meninggalkanmu". Percayalah pada Tuhan .Jadilah diberkai melalui Yesus.

Baca alkitab dengan kerap bermula dari Yohanes.Untuk lebih rujukan ,[layari sini](#) .